

Kes denggi

terus

Metro

2/6/12 MS2

meningkat

di Selangor

PUTRAJAYA: Beberapa negeri termasuk Selangor masih menunjukkan peningkatan kes demam denggi walaupun laporan Kementerian Kesihatan bagi minggu ke 21 tahun ini iaitu dari 20 hingga 26 Mei lalu merekodkan sejumlah 396 kes, sedikit menurun berbanding 405 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman berkata, Selangor meningkat sebanyak 14 kes pada minggu berkenaan, diikuti Kelantan (sembilan) dan Perak (empat) serta masing-masing satu di Pahang, Sabah dan Johor.

Malah, katanya dengan jumlah terkumpul 10,003 kes demam denggi bagi Januari hingga 26 Mei lalu, sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 20 peratus (1,652 kes), berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Pada tempoh sama juga sebanyak 20 kematian kes denggi dilaporkan, meningkat tujuh berbanding 13 kematian pada 2011,” katanya dalam kenyataan kelmarin.

Dr Hasan berkata, pihak Kementerian Kesihatan juga mengenal pasti sejumlah 74 lokaliti membabitkan 14 daerah di seluruh negara mengalami wabak, dengan satu daripadanya lokaliti Vista Angkasa di zon Klang Lama, Kuala Lumpur yang mencatatkan lima kes.

Katanya, satu aktiviti gotong royong dijalankan di lokaliti Vista Angkasa, baru-baru ini, namun penyertaan masyarakat setempat amat mendukacitakan apabila hanya lima daripada 800 penghuni yang hadir membersihkan kawasan pembiakan Aedes di kawasan berkenaan.

“Kadar pembiakan Aedes masih tinggi iaitu 2.2 peratus melebihi kadar sensitif satu peratus yang sepatutnya, menunjukkan kawasan ini masih lagi tidak bersih,” katanya.